

Lelaki didenda RM1,500 kerana beli tiket loteri haram

KUCHING: Seorang lelaki didenda RM1,500 atau penjara tiga bulan oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam atas kesalahan membeli tiket loteri haram.

Majistret Mason Jaro Lenya Barayan menetapkan hukuman denda itu selepas Raduan Kamarusin, 38 mengaku bersalah bagi pertuduhan di bawah Seksyen 9(1) Akta Rumah Judi Terbuka 1953.

Seksyen itu memperuntukkan denda maksimum RM5,000 atau denda hingga enam bulan atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Dia melakukan kesalahan itu di sebuah kedai makan berhampiran Jalan Daya, Estet Perindustrian Bintawa di sini pada jam 5.30 petang, 5 September 2025.

Berdasarkan fakta kes, polis menyerbu sebuah premis disyaki menjalankan

aktiviti perjudian dalam talian secara haram dan menahan Reduan yang sedang berada di situ, ketika itu.

Polis juga merampas seunit telefon bimbit dan wang tunai RM50 daripadanya.

Pakar perjudian kemudiannya mengesahkan Raduan telah membeli tiket loteri haram di premis itu.

Dia tidak diwakili peguam sepanjang perbicaraan kes berlangsung.